

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 1994

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR, 2 OGOS 1994

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 1994 pada hari ini.

2. Seperti yang diketahui para pekerja adalah antara aset penting negara dan menjadi tulang belakang proses pembangunan. Pembangunan ekonomi dan sosial tidak akan tercapai tanpa sumbangan daripada para pekerja. Justeru itu, usaha-usaha sentiasa dijalankan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja tidak terjejas. Pekerja yang tidak sihat tidak dapat menyumbang kepada produktiviti dirinya atau perusahaannya atau negaranya.

3. Keprihatinan dan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja dapat dilihat dengan penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Kilang dan Jentera 1967. Di samping itu di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah memberi penekanan yang khusus untuk meningkatkan tahap kesihatan pekerjaan. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang akan menjalankan kajian, penyelidikan dan memberi latihan kepada pekerja-pekerja di dalam bidang keselamatan dan kesihatan mereka.

4. Usaha-usaha untuk menanamkan kesedaran tentang betapa pentingnya aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlulah bermula pada peringkat awal lagi. Ini bermakna ibu bapa haruslah memberikan kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan kepada anak-anak mereka. Kesedaran ini juga perlu diberikan di kalangan kanak-kanak di peringkat persekolahan dan pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi. Langkah-langkah yang sesuai harus diambil supaya aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dilatih secara formal atau tidak formal di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

5. Di samping kesedaran ini, pihak majikan harus beringat bahawa jika kemalangan berlaku mereka akan mengalami kerugian disebabkan produktiviti mereka terjejas dan kos-kos lain. Kerajaan juga terpaksa membiayai kos sampingan walaupun majikan mencarum kepada PERKESO untuk rawatan dan lain-lain. Kerugian mana-mana perusahaan atau perniagaan akan mengurangkan pendapatan Kerajaan. Pekerja itu sendiri sudah tentu akan menghadapi kesengsaraan, sementara keluarganya akan hilang tempat bergantung. Kos-kos langsung dan tidak langsung ini akan menurunkan kadar produktiviti dan seterusnya menjadikan barangan kita lebih mahal dan oleh itu daya saing kita di pasaran antarabangsa akan terjejas.

6. Selain daripada kos, kualiti juga akan terjejas jika tempat kerja itu bermasalah, khususnya tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan dan kesihatan. Tenaga kerja mahir yang mengalami kecederaan dan penyakit pekerjaan sudah tentu tidak akan berupaya untuk menghasilkan produk yang berkualiti. Pengambilan pekerja-pekerja baru akan memerlukan perbelanjaan tambahan bagi melatih pekerja-pekerja tersebut supaya mahir. Tempat kerja yang teratur, kemas, dan mempunyai ciri-ciri keselamatan dan kesihatan yang baik akan membolehkan pekerja-pekerja berkerja dengan cekap dan selesa dan seterusnya meninggikan produktiviti mereka.

7. Dalam keghairahan kita menarik pelabur-pelabur asing, kita tidak seharusnya lupa kepada ciri-ciri keselamatan dan kesihatan pekerja. Kita perlu pastikan bahawa kesemua peralatan, bahan dan teknologi yang dibawa masuk adalah selamat digunakan dan yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Di sini sukalah saya menyeru pelabur-pelabur asing agar setiap pemindahan teknologi yang dijalankan di negara ini harus disertai dengan ciri-ciri keselamatan dan kesihatan.

8. Adalah mengecewakan bahawa dalam usaha kita meningkatkan taraf keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, isu-isu berkaitan dengan piawaian perburuhan telah dibangkitkan oleh negara-negara maju. Mereka mengaitkan `social clause' di dalam piawaian perburuhan ini dengan perdagangan antarabangsa. Negara-negara tersebut cuba memaksa negara-negara membangun patuh kepada `social clause' ciptaan mereka. Bukanlah niat kita untuk mengeksploitasi pekerja tetapi hakikatnya ialah `social clause' mereka hanya akan menambah kos pengeluaran tanpa membawa manfaat yang lebih kepada pekerja. Jika kos kita meningkat maka barangan kita tidak akan dapat bersaing dengan jayanya dengan barangan mereka. Akhirnya industri kita tidak akan berkembang dan peluang kerja tidak akan bertambah. Jauh daripada mendapat kebaikan, pekerja kita akan menganggur. Bagi pekerja yang menganggur segala keistimewaan `social clause' tidak akan dirasai sama sekali. Sebaliknya apabila barangan kita tidak lagi ada di pasaran, barangan negara maju akan berlimpah-limpah seperti dahulu dan penganggur mereka akan dapat bekerja dengan upahan dan kemudahan sosial yang bertambah. Inilah hasrat mereka yang sebenar.

9. Malaysia sekarang menjadi syurga bagi pekerja. Sebab itu lebih daripada satu juta rakyat asing datang untuk bekerja di sini. Walau bagaimana susah sekalipun perjalanan dan layanan terhadap mereka, mereka datang juga. Jika tidak kerana Malaysia mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik, mereka tidak akan bersusah payah datang ke sini. Bagi pekerja di Malaysia pula, peluang kerja adalah begitu banyak sehingga mereka boleh memilih kerja yang disukai oleh mereka. Majikan pula terpaksa menawar upahan yang semakin tinggi kerana berebut untuk mendapat pekerja yang tidak ramai. Dalam keadaan ini pekerja yang untung. Keuntungan ini didapati tanpa tindakan perusahaan, tanpa merosak jentera pengeluaran atau mengurangkan daya pengeluaran.

10. Pekerja di Barat mendapat gaji yang lebih tinggi. Tetapi kos sara hidup berkali ganda lebih tinggi daripada kita sehingga upah yang tinggi ini tidak dapat membeli lebih banyak barangan dan khidmat jika dibandingkan dengan negara yang upahnya rendah dan sara hidupnya murah seperti Malaysia. Dalam pada itu ramai yang menganggur dan bergantung kepada bayaran `dole'. Ini bermakna bahawa negara Barat tidak lebih baik dari Malaysia bagi para pekerja. Lebih daripada itu di Malaysia kita mempunyai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO, yang membantu pekerja apabila bersara atau cedera dan hilang upaya. Dan sekarang kita menumpu pula kepada kesihatan dan keselamatan pekerja. Sebenarnya tidak banyak negara membangun yang mempunyai peruntukan-peruntukan seperti ini. Jika pun Malaysia tidak menjadi syurga bagi pekerja, sekurang-kurangnya ia lebih baik daripada negara-negara membangun yang lain dan juga beberapa negara maju. Sudah tentu ia lebih baik daripada negara Komunis atau Sosialis yang hari ini sudah menggugurkan ideologi mereka.

11. Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah elemen penting dalam pembentukan masyarakat yang bermaruah dan prihatin. Dalam usaha kita menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju, masyarakat perlu dididik supaya peka dengan kehendak-kehendak keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Keadaan tempat kerja yang selamat dan sihat akan menggalakkan pekerja-pekerja meningkatkan pengeluaran dan meninggikan kualiti kerja yang dihasilkan. Walaupun kebanyakan daripada kita sedar akan peranan kesihatan dan keselamatan, namun satu kempen untuk memperingati semua pihak adalah penting. Ini adalah kerana kita mudah lupa tentang pentingnya berhati-hati apabila kita rasa sihat dan terselamat. Saya harap semua pihak akan menunjukkan minat yang serius terhadap perkara ini.

12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 1994.